Product Disclosure Sheet (Effective date 7th December 2026) **RHB Bank Berhad**
RHB Debit Card Date

Dear Customer
This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your debit card.
Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.

1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

This is a debit card, a payment instrument which allows you to pay for goods and services from your deposit account at participating retail and service outlets via Visa or Mastercard or MyDebit network and it also allows cash withdrawal via local Automatic Teller Machines (ATM) as well. A deposit account is required to allow linkage to your debit card. If you close your deposit account maintained with us, your debit card will be automatically cancelled and terminated.

2. KNOW YOUR OBLIGATIONS

Read and understand
It is your responsibility to read and understand these Key Terms.

Keep your card and credentials secure
Safeguard your debit card, PIN and other security credentials at all times.
Do not disclose your PIN or security credentials to anyone.

Contact us immediately
If your debit card is lost or stolen, or if you discover any unauthorised use, immediately contact the RHB Customer Contact Centre or visit the nearest RHB branch so that we can block your card.

Annual/Issuance fee*	
RHB Debit Card - RM12	RM12.00 (with 0.5% cash back for overseas transaction)
RHB Debit Card - RM8	RM8.00 (without cashback)
RHB Visa Justice League Debit Card	Annual fee: RM12.00 (with 0.5% cash back for overseas transaction)
RHB Premier Visa Infinite Debit Card	Annual Fee: RM50.00 The annual fee will be waived subject to RM5,000-00 retail spend per annum or swipe their card a minimum of 5 times in a year. (with 1.0% cash back for overseas transaction)
RHB Premier Multi Currency Debit Card & RHB Private Multi Currency Debit Card	RM20.00 Waived for the first year provided that the initial deposit on the RHB Multi Currency account is at USD200 equivalent. If the initial deposit is less than USD200 equivalent, the issuance fees will be charged. The annual fees of RM20.00 will be waived subject to a minimum retail spend of RM3,000.00 per annum.
RHB Multi Currency Debit Card	RM20.00
ATM withdrawal fee*	
RHB ATM	Waived
Visa/MasterCard Network	RM12.00 per withdrawal
Card replacement fee	
RHB Debit Card - RM12	RM15.00
RHB Debit Card - RM8	RM12.00
RHB Premier Multi Currency Debit Card	RM15.00
RHB Private Multi Currency Debit Card	RM15.00
RHB Multi Currency Debit Card	RM15.00
Overseas transaction conversion fee	1% of the converted amount
MyDebit Cash out transaction fee *	RM0.50 per transaction

** Inclusive of any applicable taxes imposed from time to time.*
For the avoidance of doubt, the Cardmember shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to service tax and/or any applicable taxes imposed from time to time), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this Product.

3. KNOW YOUR RISKS

Liability for unauthorized transactions

You will be held liable for PIN-based unauthorized transactions if you have:

- acted fraudulently;
- delayed in notifying us as soon as reasonable practicable after having discovered the loss or unauthorized use of your debit card;
- voluntarily disclosed your PIN to another person; or
- recorded your PIN on the debit card, or on anything kept in close proximity with your debit card, and could be lost or stolen with the debit card.

You will be held liable for any unauthorized transactions which require signature verification or with contactless card, if you have:

- acted fraudulently;
- delayed in notifying us as soon as reasonable practicable after having discovered the loss or unauthorized use of your debit card;
- left your debit card or an item containing your debit card, unattended in places visible and accessible to others, except at your place of residence. However, you are expected to exercise due care in safeguarding the debit card even at your place of residence; or
- voluntarily allowed another person to use your debit card.

If you fail to abide by the terms and conditions of the debit card, we have the right to terminate your card.

4. OTHER KEY TERMS

Your debit card is blocked by default for overseas and card-not-present (CNP) transactions, such as online purchases and telephone orders. To use your card for these transactions, you must first opt in.

When you use your debit card at an automated fuel dispenser, a held balance of RM200 is placed on your deposit account. This amount will be released, and only the actual transaction amount will be debited from your account within three (3) working days from the transaction date.

You are required to notify us immediately by calling the RHB Customer Contact Centre or visiting your nearest RHB branch if:

- Your debit card is lost or stolen.
- You receive a transaction alert for a transaction that was not authorised by you.
- There is any change to your contact details.

You may choose to disable your card's contactless payment function or revise the contactless transaction limit or transaction count during account opening, when applying for your card, or at any time thereafter.

5. IF YOU HAVE ANY COMMENTS / FEEDBACK ON THE PRODUCTS OR SERVICES PROVIDED BY US, YOU MAY ALSO CONTACT US AT:

Telephone	Website	Email
☎ **Call us at 03-92068118 (RHB Customer Contact Centre)**	🌐 **Visit us at** www.rhbgroup.com	✉ **Email us at** customer.service@rhbgroup.com

The information provided in this disclosure sheet is valid as of 7th December 2026

Helaian Pendedahan Produk (Berkuatkuasa 7hb Disember 2026) **RHB Bank Berhad**
Kad Debit RHB **Tarikh**

Pelanggan yang Dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai kad debit anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya**.**

1. APAKAH PRODUK INI?

Ini adalah kad debit, satu bentuk pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran untuk barangan dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di cawangan runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian melalui rangkaian Visa atau Mastercard atau MyDebit dan juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai menerusi Mesin Teler Automatik (ATM). Satu akaun deposit diperlukan untuk membolehkan akses kepada kad debit anda. Jika anda menutup akaun deposit yang diselenggarakan dengan kami, kad debit anda akan dibatalkan secara automatik dan ditamatkan.

2. KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Baca dan fahami
Anda bertanggungjawab untuk membaca dan memahami Terma-Terma Utama ini.

Pastikan kad dan maklumat keselamatan anda sentiasa selamat
Pastikan kad debit, Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) dan maklumat keselamatan anda sentiasa dilindungi.
Jangan dedahkan PIN atau maklumat keselamatan anda kepada sesiapa.

Hubungi kami dengan segera
Sekiranya kad debit anda hilang atau dicuri, atau anda mendapati sebarang penggunaan tanpa kebenaran, sila hubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB atau kunjungi cawangan RHB yang terdekat dengan segera supaya kami dapat menyekat kad anda.

Yuran pengeluaran / tahunan*	
Kad Debit RHB - RM12	RM12.00 (dengan Rebat Tunai 0.5% untuk transaksi luar negara)
Kad Debit RHB - RM8	RM8.00 (tanpa Rebat Tunai)
Kad Debit RHB Visa Justice League	Yuran tahunan: RM12.00 (dengan Rebat Tunai 0.5% untuk transaksi luar negara)
Kad Debit RHB Visa Infinite Premier	Yuran tahunan: RM50.00 Yuran tahunan akan dikecualikan sekiranya jumlah transaksi debit RM5,000.00 setahun atau membuat sekurang-kurangnya 5 kali transaksi debit setahun. (dengan Rebat Tunai 1.0% untuk transaksi luar negara)
Kad Debit Premier RHB Multi Currency & Kad Debit Private RHB Multi Currency	RM20.00 Dikecualikan untuk tahun pertama sekiranya jumlah deposit awal di dalam akaun RHB Multi Currency adalah bersamaan USD200. Sekiranya jumlah deposit permulaan kurang daripada bersamaan USD200, yuran pengeluaran akan dikenakan. Yuran tahunan sebanyak RM20.00 akan dikecualikan sekiranya jumlah perbelanjaan runcit minimum RM3,000.00 setahun.
Kad Debit RHB Multi Currency	RM2000
Yuran pengeluaran wang ATM*	
RHB ATM	Dikecualikan
Rangkaian Visa/MasterCard	RM12.00 setiap pengeluaran
Yuran penggantian kad	
Kad Debit RHB - RM12	RM15.00
Kad Debit RHB - RM8	RM12.00

Kad Debit Premier RHB Multi Currency	RM15.00
Kad Debit Private RHB Multi Currency	RM15.00
Kad Debit RHB Multi Currency	RM15.00
Yuran pertukaran mata wang bagi urusniaga luar negara	1% daripada jumlah amaun yang ditukar
Yuran transaksi “MyDebit Cashout*	RM0.50 per transaksi

* Termasuk apa-apa cukai terpakai dikenakan dari semasa ke semasa

Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad hendaklah menanggung semua yuran professional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa) dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

3. **KETAHUI RISIKO ANDA**

Liabiliti bagi Urusniaga yang tidak dibenarkan

Anda bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:

- Melakukan penipuan;
- Lewat memberitahu pihak Bank secepat yang dapat dilaksanakan selepas mendapat tahu kehilangan penggunaan tanpa kebenaran ke atas Kad Debit anda;
- Secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
- Merekodkan PIN anda pada kad debit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad debit anda, dan boleh hilang atau dicuri dengan Kad itu.

Anda bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh jika anda:

- Melakukan penipuan;
- Lewat memberitahu pihak Bank secepat yang dapat dilaksanakan selepas mendapat tahu kehilangan penggunaan tanpa kebenaran ke atas kad debit anda;
- Meninggalkan kad debit anda atau item yang mengandungi kad debit anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses kepada yang lain; kecuali di tempat kediaman anda. Walau bagaimanapun, anda perlu berhati-hati dalam melindungi kad debit anda walaupun di tempat kediaman anda; atau
- Secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad debit anda.

Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat kad debit, kami berhak untuk menamatkan kad anda.

4. **TERMA UTAMA LAIN**

Kad debit anda disekat secara lalai daripada digunakan untuk transaksi luar negara dan transaksi tanpa kehadiran kad (Card-Not-Present (CNP)), seperti pembelian dalam talian dan pesanan melalui telefon. Untuk menggunakan kad anda bagi transaksi tersebut, anda perlu memilih masuk (opt-in) terlebih dahulu.

Apabila anda menggunakan kad debit anda di pam petrol (automated fuel dispenser), sejumlah RM200 diletakkan sebagai baki dipegang atas akaun deposit anda. Baki dipegang tersebut akan dilepaskan, dan hanya amaun sebenar transaksi akan didebitkan daripada akaun anda dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh transaksi.

Anda dikehendaki memaklumkan kami dengan segera dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan RHB atau mengunjungi cawangan RHB yang terdekat sekiranya:

- Kad debit anda hilang atau dicuri.
- Anda menerima makluman transaksi bagi transaksi yang tidak dibenarkan oleh anda.
- Terdapat sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda.

Anda boleh memilih untuk menyahaktifkan fungsi pembayaran tanpa sentuh pada kad anda atau mengubah had transaksi tanpa sentuh atau bilangan transaksi tanpa sentuh semasa pembukaan akaun, semasa permohonan kad, atau pada bila-bila masa selepas itu.

5. JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG ADUAN MENGENAI PRODUK ATAU PERKHIDMATAN KAMI, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

Telefon	Laman Web	E-mel
☎ **Hubungi kami di 03-92068118 (RHB Customer Contact Centre)**	🌐 **Layari laman web kami** www.rhbgroup.com	✉ **E-mel kami di** customer.service@rhbgroup.com

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah dari 7hb Disember 2026